

GLUCO-CON CAPSULES

Glucosamine Sulphate/Chondroitin Sulphate (250mg/200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gluco-con
2. Bagaimana Gluco-con berfungsi
3. Sebelum mengambil Gluco-con
4. Cara menggunakan Gluco-con
5. Semasa menggunakan Gluco-con
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gluco-con
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gluco-con

Ia digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis (kemerostan tulang sendi rawan).

Bagaimana Gluco-con berfungsi

Glucosamine berkesan untuk semua jenis penyakit kemerostan tulang dan sendi, jangka pendek atau panjang, dengan menghilangkan atau mengurangkan sakit sendi, memperbaiki fungsi sendi dan menghindar daripada proses kemerostan. Ia juga mempunyai aktiviti pelicir dengan meningkatkan pengeluaran bendalir pelicir. Chondroitin sulphate mengekalkan air dan kekenyalan rawan sendi. Ini mengekalkan struktur dan fungsi rawan, melegakan sakit sendi tulang dan aktiviti antikeradangan.

Sebelum mengambil Gluco-con

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap glucosamine, chondroitin atau kerang. Glucosamine diperolehi daripada makanan laut.

- Sebelum mula mengambil

Glucosamine adalah rawatan punca penyakit dan kesan hanya akan dirasai selepas seminggu rawatan. Oleh itu, ubat anti keradangan perlu diambil beberapa hari pertama rawatan untuk sakit yang teruk. Berhati-hati jika anda ada gangguan genetik di mana badan tidak berupaya membekukan darah atau sedang mengambil warfarin kerana kesan antithrombotik. Elakkan penggunaan untuk kanak-kanak, wanita hamil dan ibu yang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat untuk penyakit kencing manis (*metformin*, *tolbutamide*, *rosiglitazone*). Glucosamine adalah selamat jika penyakit kencing manis terkawal dengan satu atau dua ubat, atau dengan pemakanan sahaja. Jika dengan insulin atau paras HbA1c tinggi, paras gula dalam darah dimonitor dengan teliti. Jika diambil bersama warfarin (ubat anti beku darah), terdapat kemungkinan

pendarahan berlebihan. Chondroitin sulphate tidak boleh diambil bersama chitosan (untuk pengurangan kolesterol). Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Gluco-con

- Berapa banyak harus diambil

Simptom ringan hingga sederhana – 2 kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu.

Penyakit serius – 2 kapsul tiga kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu.

Rawatan susulan: 2 kapsul dua kali sehari untuk 3 – 4 bulan. Diambil sebelum makan.

- Bila perlu diambil

Ubat ini diambil 15 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu diambil

Rawatan perlu diulangi setiap selang 6 bulan atau kurang mengikut arahan doktor.

- Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Gluco-con

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan mengambil ubat jika hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, kecuali atas arahan doktor

Kesan-kesan sampingan

Bengkak, denyutan jantung meningkat, mengantuk, sakit kepala, kesukaran tidur, loya, muntah, cirit-birit, sakit gastrik, ketidak hadaman, sembelit, pedih uluhati, tiada selera makan, merah kulit dan gatal kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Gluco-con

- Penyimpanan

Bekas ditutup ketat. Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul keras legap berwarna karamel.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *glucosamine sulphate* dan *chondroitin sulphate*

- Bahan tidak aktif: *talc*, *cornstarch*, *magnesium stearate* dan *aerosil*.

- Nombor MAL:

MAL08111794X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/08/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1) 090817/00198